



Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)

SIARAN MEDIA

KOD TADBIR URUS KORPORAT MALAYSIA 2012: LANGKAH *AFFIRMATIVE* UNTUK MENINGKATKAN BILANGAN PENGARAH WANITA

PUTRAJAYA, 5 APRIL 2012 – Y.B. Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyifatkan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 yang dilancarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti baru-baru ini amat bertepatan dan selari dengan matlamat Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Di Sektor Korporat yang diluluskan oleh Kerajaan pada bulan Jun 2011.

Menurut Dato' Sri Shahrizat, “Prinsip *boardroom diversity* yang ditekankan dalam Kod Tadbir Urus Korporat tersebut mampu meningkatkan kepekaan pemimpin korporat terhadap pentingnya kepelbagaian gender dalam pengurusan sesebuah syarikat. Tambahan pula, memang telah terbukti bahawa syarikat-syarikat yang mempunyai wanita sebagai ahli lembaga pengarah berjaya meningkatkan prestasi syarikat. Selaras dengan prinsip ini, lembaga pengarah perlu mengambil langkah supaya calon wanita dicari dan diberi pertimbangan dalam proses pengambilan.

“Harapan saya agar perjuangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam mencapai Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Di Sektor Korporat akan menjadi kenyataan.”

“Saya juga yakin dengan mensyaratkan syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia melapor secara *explicit* dalam laporan tahunan mengenai pelaksanaan dasar kepelbagaian gender (termasuk sasarannya dan langkah yang diambil untuk mencapai sasaran tersebut), maka lebih ramai wanita yang berpotensi dan kompeten mendapat peluang untuk dilantik sebagai pengarah syarikat, terutama dalam syarikat berkaitan Kerajaan”, tambah beliau.

Pelaksanaan Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Di Sektor Korporat akan dinilai pada tahun 2013. Penilaian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan dasar tersebut dan memperakukan langkah penambahbaikan sekiranya perlu.

###

Disediakan oleh : Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,
No.55, Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 Putrajaya

No. Telefon : 03 – 8323 1000

Tarikh dikeluarkan : 5 April 2012

